

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
[BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 23 NOV 2017**

**RUJUKAN : 10364**

**SOALAN :**

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci alasan-alasan keselamatan yang menyebabkan pembatalan perayaan "Oktoberfest" di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pesta Bir di Kuala Lumpur dibatalkan kerana wujudnya perancangan untuk mensabotaj festival berkenaan sekiranya ia diteruskan sekali gus menafikan dakwaan sebelum ini kononnya bantahan ke atas penganjuran Pesta Bir berkaitan dengan sensitiviti keagamaan, perkauman atau desakan politik. Umum juga sedia maklum bahawa penganjuran festival ini pada tahun-tahun sebelumnya tidak pernah disekat kerana tiada maklumat mengenai ancaman sedemikian.

PDRM tidak akan sesekali menggadaikan keselamatan rakyat dan harta benda awam hanya kerana wujud tekanan daripada pihak-pihak berkepentingan. Semua maklumat keselamatan yang diperoleh juga tidak boleh didedahkan semata-mata untuk tunduk kepada tekanan daripada mana-mana pihak agar kerahsiaan maklumat keselamatan berkenaan terpelihara.

Keputusan ini perlu kerana semua harus faham bahawa memerangi ancaman militan bukanlah sesuatu yang mudah. Kuasa-kuasa besar dunia yang memiliki kecanggihan teknologi sekalipun gagal menyekat negara mereka daripada terus menjadi sasaran militan. Apa yang pasti, tindakan pencegahan adalah lebih berkesan berbanding membiarkan jiwa terkorban terlebih dahulu.

**Justeru, keputusan ini tidak harus dipertikaikan atau dipolitikkan oleh mana-mana pihak yang kononnya untuk membela sesuatu kaum atau agama. Sesungguhnya Kerajaan akan melakukan yang terbaik demi memelihara keselamatan dan kepentingan rakyat Malaysia kerana ancaman yang wujud adalah nyata serta tidak boleh dikompromi.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH** : **23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **19**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil kajian oleh Kementerian Pengangkutan mendapati bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL), Pulau Pinang telah mengalami kepadatan pengguna pada tahap hampir maksima dan kos bagi penambahbaikan dan peluasan (LTABL) ini melibatkan kos yang tinggi. Pihak Kementerian juga berpendapat lapangan terbang baru perlu dibina. Sejauh manakah rancangan Kerajaan untuk membina sebuah lapangan terbang di utara tanah air bagi menampung kepadatan yang ditanggung Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL), Pulau Pinang kini dan bilakah proses pembinaan ini akan dilaksanakan.

29

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan telah menerima satu Cadangan Pembangunan Gerbang Perindustrian Cempaka Sari (GPCS) daripada Kerajaan Negeri Perak yang termasuk pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Perak.

Seterusnya, Kajian Kemungkinan Bagi Cadangan Lapangan Terbang Baru di Utara Malaysia telah dilaksanakan dan hasil dapatan kajian tersebut sedang diteliti oleh Kerajaan.